



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUTHARGA : SUK.KN.NO: 11/2024 BERTARIKH : 15/12/2024

**TAWARAN : KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH DEWAN TERBUKA SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera sahaja yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (**CIDB**) dalam **Gred G2 Kategori B Pengkhususan B04** dan **CE Pengkhususan CE21** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini seperti di atas.
2. Lawatan tapak / taklimat akan di adakan pada **19/12/2024 (Khamis)** jam **9.00 pagi**. Mana-mana syarikat yang ingin memasuki tawaran ini **diwajibkan** hadir pada tarikh dan masa lawatan tersebut (**TIADA PENGECUALIAN**) – Wakil Syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan berkumpul di **Pejabat Penyeliaan Dan Penyelenggaraan (JKR 7) di Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan**.
3. Kenyataan lanjut dan Borang Tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Blok MABNA MBI, Aras 3, Kompleks Kota Darul Naim, 15503 Kota Bharu, Kelantan** dengan harga RM30.00/set pada **22/12/2024 (Ahad)**.
4. Borang sebutharga akan dikeluarkan kepada Kontraktor / wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki menunjukkan Surat Asal Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan surat asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera yang di dikeluarkan oleh PKK serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal.
5. Dokumen Meja Sebutharga akan dipamirkan pada hari tersebut.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah sekali.
7. Borang tidak akan dikeluarkan pada hari tawaran ditutup.
8. Sila daftar selewat lewatnya ½ jam sebelum tarikh taklimat / lawat tapak, di tapak bina.
9. Borang tawaran tidak akan dikeluarkan kepada syarikat jika salah satu dari syarat syarat di atas tidak dipenuhi.
10. Borang Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Blok MABNA MBI, Aras 3, Kompleks Kota Darul Naim** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **29/12/2024 (Ahad)**

Sekian, terima kasih

#ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI#
#SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT#

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HAJI AB. PATTAH BIN HASBULLAH, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**